

19 FEB 1998

LEAD Mahathir-Brunei

BRUNEI SETUJU ASEAN GUNA MATAWANG SENDIRI, KATA DR MAHATHIR

KOTA KINABALU, 19 Feb (Bernama) -- Brunei bersetuju dengan cadangan agar Asean menggunakan mata wang serantau dalam perdagangan di kalangan negara-negara anggota, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata persetujuan itu dinyatakan oleh Sultan Hassanal Bolkiah dalam pertemuan mereka di Bandar Seri Begawan semalam.

"Pada lawatan saya itu, saya melaporkan kepada baginda Sultan berkenaan lawatan saya ke Thailand, Filipina, Singapura dan Indonesia, dan secara umum kita membuat penilaian tentang keadaan ekonomi dan jenis kerjasama negara-negara Asean yang kita cadangkan," katanya pada sidang berita selepas melawat pusat peranginan tepi pantai Karambunai Resort.

Dr Mahathir yang tiba dari Brunei hari ini untuk lawatan dua hari ditanya mengenai hasil kunjungannya ke negara jiran itu.

Beliau berkata bahawa Sultan Hassanal bercadang untuk melawat Malaysia.

Perdana Menteri berkata, beliau juga menerima laporan Sultan Brunei mengenai lawatan baginda ke Indonesia baru-baru ini.

Ditanya mengenai penurunan mata wang di rantau ini, Dr Mahathir berkata Asean sebenarnya menghadapi tekanan.

Ketika diminta menghuraikannya, Perdana Menteri berkata: "Secara tidak langsung kita diberitahu, jika kita tidak buat apa yang mereka suruh, maka ekonomi kita akan merosot.

"Itu bermakna bahawa mata wang itu akan ditekan lagi dan itu akan menyebabkan ekonomi merosot.

"Oleh kerana tekanan datang dari luar, sukarlah bagi kita. Jika dibiarkan sendiri, kita mampu menguruskan ekonomi tetapi apabila saja kita membuat sesuatu, mereka gunakan tekanan," kata beliau.

Ketika ditanya mengenai kebimbangan antarabangsa berhubung cadangan Indonesia untuk melaksanakan sistem lembaga mata wang, Dr Mahathir berkata: "Mungkin mereka bimbang tetapi kebimbangan menjadi lebih berat oleh pendapat yang akan menyebabkan rupiah jatuh.

"Jika sebuah badan antarabangsa berkata sesuatu itu tidak baik dan ia tidak akan membantu, maka kesannya ialah rupiah akan jatuh.

"Kita berpendapat bahawa Indonesia adalah sebuah negara merdeka. Mereka telahpun menerima semua syarat (Tabung Kewangan Antarabangsa). Ada perkara yang harus dibiarkan kepada mereka sendiri untuk putuskan tetapi jika semuanya dipaksa (terhadap mereka) dan jika ianya berjaya, tak apalah tetapi jika gagal, maka apa yang disebut sebagai bantuan itu tidak langsung membantu Indonesia.

Indonesia sedang menimbang menggunakan sistem lembaga mata wang yang mengikat rupiah kepada dolar Amerika pada kadar yang ditetapkan untuk membantu negara itu pulih daripada kemerosotan ekonominya.

Bagaimanapun IMF membantah sistem seumpama itu dan mengingatkan Indonesia bahawa bantuan sebanyak US\$40 bilion untuk memulihkan ekonomi negara itu akan terjejas jika kerajaan Indonesia melaksanakan skim itu.

-- BERNAMA

KG NT SJ NMO MAI